



**PERUNDING SISTEM ETM**

543-A, Jalan Pasir Putih,  
31650 Ipoh, Perak Darul Ridzuan  
(u.p: Encik Muhammad Syahmi)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN MEMBINA  
1 BLOK KILANG MENGHASIL BEG-BEG SUKAN & PEJABAT 2-  
TINGKAT DI ATAS LOT 73351, JALAN PENGKALAN, KAMPUNG  
PENGKALAN, LAHAT, IPOH, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA,  
PERAK UNTUK TETUAN GALLANT INDUSTRIES (M) SDN. BHD**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Ipoh dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA yang akan dimaklumkan kelak melalui sistem KUDRAT
ii.	Menjelaskan <b>bayaran permit sebanyak RM 534.00</b> sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak <b>dalam bentuk Cek/Bank Draf.</b>
iii.	Menjelaskan <b>wang cagaran sebanyak RM 500.00</b> sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak <b>dalam bentuk Cek/Bank Draf</b> (wang akan dikembalikan setelah 12 bulan kerja siap).
iv.	Kerja korekan terbuka di atas jalan berturap hendaklah dimulakan secara <i>clean-cut with diamond cutter</i> atau seumpama dengannya. Penggunaan jentera pengorek secara terus adalah tidak dibenarkan.
v.	Lebar korekan adalah sekurang-kurangnya sama lebar dengan <i>compactor</i> (600mm).
vi.	Turapan semula jalan hendaklah dibuat dengan kelebaran korekan jalan yang terlibat sahaja.
xii	Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit.

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakannya kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (*indemnity*) di mana **tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "Defected Liability Period" (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Bandaraya Ipoh serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/07/24/0013 (12)  
Tarikh : 6 Ogos 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN MEMBINA 1 BLOK KILANG MENGHASIL BEG-BEG SUKAN & PEJABAT 2-TINGKAT DI ATAS LOT 73351, JALAN PENGKALAN, KAMPUNG PENGKALAN, LAHAT, IPOH, MUKIM HULU KINTA, DAERAH KINTA, PERAK UNTUK TETUAN GALLANT INDUSTRIES (M) SDN. BHD**

**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT**

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran Caj Perkhidmatan OSA bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan Mendapatkan Kelulusan Serta Permit Bagi Kerja di dalam Rizab Jalan Majlis Bandaraya Ipoh dan Borang Bayaran Wang Cagaran** untuk tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan/Puan. (Cek perlu disediakan secara berasingan)

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izin lalu ini hanya sah dalam tempoh 6 bulan **(180 hari) sahaja** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu mengemukakan permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **Abu Bakar Bin Abu Kasim** di talian **013-3182540** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
**(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)**  
Pengurus Koridor Negeri  
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/05082024/Koridor/Bakar





Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/07/24/0013 (12)  
Tarikh : 6 Ogos 2024

s.k :

**Pengarah Kejuruteraan Bandaraya**  
Majlis Bandaraya Ipoh,  
Jalan Sultan Abdul Jalil,  
Greentown, 30450 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.  
(u.p: Bahagian Kejuruteraan Infra)

